



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1 | 2026



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1 | 2026

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan "Data Nadi Ekonomi Rakyat". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada Januari 2026.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

eISSN 3093-8007

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
11	RENCANA	
17	SNAPSHOT	
18	PERTANIAN	29
23	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	33
25	PERKHIDMATAN	37
		HARGA
		44
		WAY FORWARD
		44
		INDIKATOR EKONOMI
		58
		AHLI MESR
		59
		PENGHARGAAN

Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) terus menjadi rujukan utama dalam menyediakan gambaran menyeluruh mengenai prestasi dan hala tuju ekonomi negara. Bagi pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), saya mengalu-alukan para pembaca untuk meneliti dapatan serta analisis terkini yang dimuatkan dalam edisi Januari 2026 ini, yang memaparkan statistik terpilih bagi bulan-bulan terakhir tahun 2025 serta perkembangan awal dalam landskap ekonomi semasa.

Edisi Januari 2026 turut menampilkan sebuah artikel khas bertajuk *Malaysia Human Development Index* (MHDI): Cerminan Kehidupan Sehari-hari, Penanda Aras Antarabangsa dan Implikasi Dasar RMK13. Artikel ini menyetekahkan *Malaysia Human Development Index* (MHDI) sebagai ukuran komprehensif kesejahteraan rakyat merangkumi dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Artikel ini turut menekankan kepentingan untuk memperkukuh dimensi pendidikan agar Malaysia terus kekal berdaya saing berbanding penanda aras serantau dan global.

Secara global, ekonomi dunia terus beroperasi dalam persekitaran yang mencabar namun menunjukkan daya tahan yang lebih baik daripada jangkaan. Unjuran terkini Bank Dunia menganggarkan pertumbuhan ekonomi global pada 2.7 peratus pada tahun 2025, sebelum menyederhana kepada 2.6 peratus pada 2026, mencerminkan kesan kelembapan perdagangan serta penyederhanaan aktiviti domestik di kebanyakan ekonomi utama. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka kekal sederhana, manakala ekonomi pasaran baharu dan ekonomi membangun terus menjadi pemacu utama pertumbuhan global, terutamanya di rantau Asia.

Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang kukuh apabila Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar Awalan berkembang 5.7 peratus pada suku keempat 2025, mencerminkan momentum pertumbuhan yang berterusan. Prestasi ini didorong oleh pengembangan merentasi sektor utama ekonomi, dengan sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama, diikuti oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam sektor Pembuatan. Secara keseluruhannya, prestasi ini menggambarkan ketahanan ekonomi domestik yang terus disokong oleh permintaan dalam negara dan kepelbagaian aktiviti ekonomi.

Sektor luaran Malaysia terus memperlihatkan kestabilan dalam persekitaran perdagangan global yang mencabar, dengan prestasi dagangan yang kekal positif menjelang akhir tahun 2025. Aktiviti perdagangan menunjukkan peningkatan yang ketara pada Disember, disokong oleh pertumbuhan eksport dan import yang lebih kukuh, sekali gus mengekalkan lebih dagangan pada paras yang memberangsangkan. Secara ringkasnya, perkembangan ini menandakan bahawa sektor luaran terus memainkan peranan penting dalam menyokong momentum ekonomi negara walaupun berdepan ketidaktentuan global yang berterusan.

Perubahan harga di Malaysia kekal terkawal menjelang akhir tahun 2025, mencerminkan persekitaran inflasi yang stabil dalam ekonomi domestik. Kadar inflasi pengguna terus berada pada paras sederhana, manakala pergerakan harga di peringkat pengeluar berada di jajaran negatif selaras dengan penurunan harga komoditi global, terutamanya minyak mentah dan minyak sawit mentah. Tekanan kos pengeluaran yang rendah ini seterusnya membantu mengekalkan kestabilan harga di peringkat pengguna serta menyokong persekitaran ekonomi yang lebih kondusif.

Petunjuk masa hadapan ekonomi Malaysia kekal stabil apabila Indeks Pelopor (IP) mencatat pertumbuhan 0.2 peratus kepada 113.2 mata pada November 2025 berbanding tahun sebelumnya ekoran permintaan domestik yang terus menjadi teras aktiviti ekonomi. Dari perspektif yang lebih luas, prestasi Indeks Pelopor ini menandakan bahawa unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dengan sokongan faktor domestik yang stabil, meskipun persekitaran global mencabar.

Melihat kepada keseluruhan indikator, ekonomi Malaysia kekal berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dan terkawal. Dalam persekitaran global yang mencabar, keupayaan negara untuk menyesuaikan diri melalui pengukuhan asas domestik, peningkatan produktiviti serta pemerkasaan sektor bernilai tinggi akan terus menjadi faktor penting dalam memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif pada tahun-tahun mendatang.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Januari 2026

- Laporan Prospek Ekonomi Global yang diterbitkan pada Januari 2026 melaporkan ekonomi global lebih berdaya tahan daripada jangkaan pada tahun 2025, dengan anggaran purata pertumbuhan 2.7 peratus, meskipun berdepan ketegangan perdagangan yang ketara serta ketidaktentuan dasar. Prestasi ini mengatasi unjuran Jun 0.4 mata peratusan. Pertumbuhan global diunjurkan menyederhana kepada 2.6 peratus pada tahun 2026 kesan daripada faktor sokongan yang mereda dan permintaan terhadap barangan dagangan melemah, sebelum meningkat kepada 2.7 peratus pada tahun 2027, didorong oleh pengukuhan permintaan domestik yang mendapat manfaat daripada kelonggaran dasar monetari terdahulu serta pemulihan perdagangan berikutan keadaan tidak menentu yang semakin baik.
- Anggaran Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) awalan Malaysia berkembang 5.7 peratus pada suku tahun keempat (ST4) 2025 berbanding 5.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dari segi suku tahun ke suku tahun, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 3.0 peratus, menyederhana daripada 5.4 peratus pada suku tahun ketiga (ST3) 2025.
- Pengeluaran Getah Asli menurun 48.2 peratus tahun ke tahun kepada 20,891 tan metrik pada November 2025 (November 2024: 40,341 tan metrik) dan merosot 29.6 peratus bulan ke bulan daripada 29,673 tan metrik pada Oktober 2025. Sementara itu, pengeluaran buah tandan segar (BTS) menurun 4.2 peratus bulan ke bulan kepada 9,274,985 tan metrik pada Disember 2025, namun mencatat peningkatan kukuh sebanyak 19.1 peratus tahun ke tahun berbanding Disember 2024 (7,786,714 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mengekalkan momentum positif dengan pertumbuhan 4.3 peratus tahun ke tahun, disokong oleh pengembangan dalam sektor Pembuatan (4.9%), Elektrik (2.7%) dan Perlombongan (2.3%). Walau bagaimanapun, dari segi bulan ke bulan, IPP menyusut 1.1 peratus, daripada pertumbuhan 2.1 peratus yang direkodkan pada Oktober 2025.
- Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 4.6 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 6.3%) kepada RM169.4 bilion. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh subsektor Elektrik & Elektronik (E&E) yang berkembang 10.8 peratus, Makanan, Minuman & Tembakau (7.7%) serta Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam (3.4%). Namun demikian, dari segi bulan ke bulan, nilai jualan menyusut 1.3 peratus daripada RM171.6 bilion pada Oktober 2025. Bagi tempoh 7 bulan dari Januari hingga November 2025, sektor Pembuatan merekodkan jualan terkumpul sebanyak RM1.8 trilion, mencerminkan pertumbuhan 4.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun pada 2024 (Januari–November 2024: 4.5%).
- Perdagangan borong dan runcit mencatatkan jumlah jualan RM158.9 bilion pada November 2025, menunjukkan pertumbuhan 6.4 peratus tahun ke tahun, dengan semua subsektor utama meningkat, terutamanya Perdagangan runcit, diikuti Perdagangan borong dan Kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, dari segi bulan ke bulan, jualan menyusut 1.2 peratus dengan penurunan direkodkan bagi semua kumpulan, iaitu Perdagangan borong (-1.4%), Kenderaan bermotor (-3.0%) dan Perdagangan runcit (-0.4%).
- Kadar inflasi Malaysia meningkat sedikit daripada 1.3 peratus pada Oktober 2025 kepada 1.4 peratus pada November 2025, didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam kumpulan Pendidikan (2.6%), Minuman Alkohol & Tembakau (2.4%) dan Pengangkutan (0.2%). Inflasi Makanan & Minuman kekal stabil pada 1.5 peratus, manakala Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain menyederhana 0.7 peratus. Sementara itu, Maklumat & Komunikasi serta Pakaian & Kasut terus mencatat deflasi. Pada Disember 2025, inflasi meningkat kepada 1.6 peratus, dengan IHP berada pada 135.5 mata, didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam kumpulan Penjagaan diri, Perlindungan Sosial dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, serta Pendidikan.
- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia menyusut 1.8 peratus tahun ke tahun pada November 2025, berbanding penurunan marginal 0.1 peratus pada Oktober 2025. Penguncupan ini terutamanya disebabkan oleh kejatuhan ketara dalam sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan (-9.7%) dan Perlombongan (-7.2%), manakala sektor Pembuatan mencatat penurunan sederhana 0.6 peratus. Sebaliknya, sektor Bekalan Elektrik & Gas serta Bekalan Air merekodkan peningkatan. Dari segi bulan ke bulan, IHPR bagi pengeluaran tempatan menguncup 0.3 peratus. Pada Disember 2025, IHPR Malaysia terus menyusut 2.7 peratus.


- Perdagangan barangan Malaysia terus mencatat pertumbuhan positif pada November 2025, dengan jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 11.1 peratus, 7.0 peratus dan 15.8 peratus tahun ke tahun, walaupun imbalan perdagangan merosot 58.8 peratus. Eksport barangan mengekalkan momentum positif, meningkat kepada RM135.0 bilion, disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam Produk Elektrik & Elektronik (E&E) dan Alat & perkakas ikhtisas, sains & kawalan. Import juga kekal dalam trend positif, meningkat kepada RM128.9 billion dipacu terutamanya oleh barangan E&E. Dari segi bulan ke bulan, jumlah perdagangan (-4.5%) dan eksport (-9.0%) menurun, manakala import meningkat sedikit 0.7 peratus. Prestasi perdagangan Malaysia terus mengukuh pada Disember 2025, bertambah 11.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya
- Pada November 2025, pasaran buruh Malaysia kekal berdaya tahan dengan bilangan penduduk bekerja meningkat 3.1 peratus kepada 17.09 juta orang, manakala tenaga buruh meningkat 2.8 peratus kepada 17.61 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada penduduk kekal stabil pada 68.8 peratus, meningkat 0.5 mata peratus berbanding setahun lalu, manakala Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal tidak berubah pada 70.9 peratus, mencerminkan kestabilan berterusan dalam pasaran buruh.
- Prospek ekonomi Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyederhanaan apabila Indeks Pelopor (IP) meningkat secara marginal 0.2 peratus tahun ke tahun kepada 113.2 mata, disokong terutamanya oleh lonjakan ketara dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (67.5%) serta pertumbuhan stabil dalam Penawaran Wang Benar, M1 (5.5%). Walau bagaimanapun, dari segi bulan ke bulan, IP menurun 2.4 peratus disebabkan kelemahan import semikonduktor dan logam bukan ferus, menunjukkan bahawa meskipun permintaan domestik kekal berdaya tahan, pertumbuhan ekonomi keseluruhan dijangka menyederhana berikutan ketidakpastian persekitaran luaran yang berterusan.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA

Indeks Pelopor

113.2 mata


November 2025



Kadar Pengangguran

2.9%


November 2025



Pengeluaran Buah Tandan Segar

19.1%


Disember 2025



Pengeluaran Getah Asli

-48.2%


November 2025



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.3%


November 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

4.6%

November 2025




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

6.4%


November 2025



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

5.2%


November 2025



Eksport

10.4%


Disember 2025



Import

12.0%


Disember 2025



Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.6%


Disember 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-2.7%

Disember 2025



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

Menurut laporan Prospek Ekonomi Global yang diterbitkan pada Januari 2026, ekonomi global menunjukkan daya tahan yang jauh lebih kukuh melebihi jangkaan, walaupun berlakunya peningkatan ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar pada tahun lalu. Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2025 dianggarkan mencatat purata 2.7 peratus, melebihi unjuran Jun sebanyak 0.4 mata peratus yang sebahagiannya disokong oleh prestasi ekonomi utama yang lebih kukuh melebihi jangkaan. Faktor-faktor sokongan yang semakin berkurang meramalkan penurunan pertumbuhan ekonomi kepada 2.6 peratus pada tahun 2026, didorong oleh kelembapan ketara dalam permintaan barangan dagangan serta permintaan domestik yang menyederhana di kebanyakan ekonomi utama. Seterusnya, pertumbuhan dijangka meningkat sedikit kepada 2.7 peratus pada tahun 2027 apabila permintaan domestik mendapat manfaat daripada kelonggaran dasar monetari sebelum ini serta perdagangan yang bertambah baik seiring dengan persekitaran ketidaktentuan yang semakin reda (**Jadual 1**).

Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka menurun kepada 1.6 peratus tahun ini, memandangkan kesan halangan perdagangan yang meningkat menjejaskan aktiviti, dan kekal pada kadar itu pada 2027. Sementara itu, pertumbuhan dalam EMDE lebih kukuh daripada jangkaan pada 2025, pada anggaran 4.2 peratus. Aktiviti di China terbukti lebih teguh daripada yang dijangkakan, kebanyakannya disebabkan oleh rangsangan fiskal dan peningkatan penghantaran ke pasaran bukan United States.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK Sebenar dan Prospek Ekonomi Global oleh Bank Dunia 2023 – 2027

Negara	2023	2024	2025 ^e	2026 ^f	2027 ^f
Dunia	2.8	2.8	2.7	2.6	2.7
Ekonomi Maju	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6
United States	2.9	2.8	2.1	2.2	1.9
Euro Area	0.5	0.9	1.4	0.9	1.2
Japan	0.7	-0.2	1.3	0.8	0.8
Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun	4.4	4.3	4.2	4.0	4.1
China	5.4	5.0	4.9	4.4	4.2
Indonesia	5.0	5.0	5.0	5.0	5.2
Thailand	2.0	2.5	2.0	1.8	2.5
Russian Federation	4.1	4.3	0.9	0.8	1.0
Turkiye	5.0	3.3	3.5	3.7	4.4
Poland	0.2	3.0	3.3	3.2	2.9
Brazil	3.2	3.4	2.3	2.0	2.3
Mexico	3.4	1.4	0.2	1.3	1.8
Argentina	-1.9	-1.3	4.6	4.0	4.0
Saudi Arabia	0.5	2.7	3.8	4.3	4.4
Sri Lanka	-2.3	5.0	4.6	3.5	3.1
Nigeria	3.3	4.1	4.2	4.4	4.4
South Africa	0.7	0.6	1.3	1.4	1.5

Sumber: Laporan Prospek Ekonomi Global, Januari 2026, Bank Dunia

Nota: e = anggaran; f = unjuran

Ekonomi Singapore berkembang sebanyak 5.7 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2025, lebih pantas berbanding pertumbuhan 4.3 peratus pada suku sebelumnya. Bagi terma pelarasan bermusim, ekonomi bertumbuh 1.9 peratus, sederhana berbanding pengembangan 2.4 peratus pada suku ketiga. Secara keseluruhan bagi tahun 2025, ekonomi berkembang 4.8 peratus, meneruskan pertumbuhan 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun 2024.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Vietnam berkembang 8.46 peratus pada suku keempat 2025 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, ekonomi Vietnam mengekalkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2025 meskipun berdepan bencana alam yang teruk serta persekitaran global yang tidak menentu, dengan KDNK dianggarkan meningkat 8.02 peratus tahun ke tahun.

Berdasarkan anggaran awal, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), China mencatatkan pertumbuhan sebenar 5.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dari segi suku tahunan, KDNK China berkembang 4.5 peratus tahun ke tahun pada suku keempat, sederhana berbanding pertumbuhan 4.8 peratus yang direkodkan pada suku ketiga. KDNK bagi suku keempat turut meningkat 1.2 peratus secara suku tahunan.

Ekonomi Malaysia

Anggaran KDNK awalan Malaysia berkembang 5.7 peratus pada suku tahun keempat 2025 berbanding 5.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sepanjang suku tahun ini, kesemua sektor utama menunjukkan pengembangan dengan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus memacu keseluruhan prestasi. Dari segi prestasi suku tahun ke suku tahun, ekonomi Malaysia meningkat 3.0 peratus berbanding 5.4 peratus pada suku tahun ketiga 2025.

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dianggarkan bertumbuh sebanyak 4.9 peratus bagi tahun 2025 daripada 5.1 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya, dengan kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2025, diikuti oleh sektor Pembuatan (4.5%) dan Pembinaan (12.4%). Selain itu, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyederhana kepada 2.2 peratus dan 0.5 peratus. Pertumbuhan keseluruhan ini disokong oleh prestasi sektor utama ekonomi yang memberangsangkan dan permintaan domestik yang kukuh (**Jadual 2**).

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan (%) bagi KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2024 – 2025 dan ST1 2024 – ST4 2025

Jenis Aktiviti Ekonomi	2024	2025	2024				2025			
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4*
Pertanian	3.1	2.2	1.9	7.6	3.6	-0.7	0.7	2.5	0.4	5.1
Perlombongan & pengkuarian	0.9	0.5	4.3	2.7	-2.8	-0.7	-2.7	-5.2	9.7	1.1
Pembuatan	4.2	4.5	2.1	4.7	5.6	4.2	4.1	3.7	4.1	6.0
Pembinaan	17.5	12.4	11.9	17.2	20.0	20.7	14.2	12.1	11.8	11.9
Perkhidmatan	5.3	5.1	4.8	5.9	5.2	5.5	5.0	5.1	5.0	5.4
KDNK	5.1	4.9	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4	5.2	5.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: * anggaran awalan

Sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.4 peratus pada suku tahun keempat 2025 daripada 5.0 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan sektor ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Makanan & minuman dan penginapan. Manakala, subsektor Kewangan & insurans merosot pada suku tahun ini.

Sektor **Pembuatan** melonjak kepada 6.0 peratus pada suku tahun ini selepas mencatatkan pertumbuhan 4.1 peratus pada suku tahun ketiga 2025. Prestasi yang menggalakkan ini disokong oleh pengeluaran dalam Produk elektrik, elektronik & optikal; Minyak & lemak daripada sayuran dan haiwan serta prosesan makanan dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka. Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik menunjukkan penurunan pada suku tahun ini.

Sektor **Pembinaan** kekal mencatatkan pertumbuhan yang kukuh 11.9 peratus berbanding 11.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sementara itu, Bangunan kediaman dan Kejuruteraan Awam bertumbuh sederhana pada suku tahun ini.


PERSPEKTIF KESELURUHAN

Sektor **Pertanian** meningkat kepada 5.1 peratus pada suku tahun keempat 2025 berbanding pertumbuhan marginal 0.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam subsektor Kelapa sawit dan Ternakan. Sementara itu, subsektor Getah dan Perikanan menunjukkan pertumbuhan negatif pada suku tahun ini.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyederhana kepada 1.1 peratus daripada pertumbuhan 9.7 peratus pada suku tahun ketiga 2025. Penyederhanaan sektor ini disebabkan oleh prestasi subsektor Minyak mentah & kondensat, manakala subsektor Gas asli menguncup pada suku tahun ini.


Pada November 2025, prospek ekonomi Malaysia menyederhana dengan Indeks Pelopor (IP) mencatatkan 0.2 peratus, mencapai 113.2 mata berbanding 113.0 mata pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan menjadi penyumbang utama kepada kenaikan pada bulan ini dengan 67.5 peratus, di samping Penawaran Wang Benar, M1 (5.5%) yang kekal stabil. Secara kolektif, prestasi ini menunjukkan bahawa aktiviti domestik terus menyokong momentum keseluruhan ekonomi meskipun terdapat tanda-tanda penyederhanaan. Dari segi perbandingan bulanan, IP menyusut 2.4 peratus, dipengaruhi oleh Import Benar Semi Konduktor (-0.9%) dan Import Benar Logam Asas Berharga dan Logam Bukan Ferus Lain (-0.7%). Trend arah aliran jangka panjang terlcin IP pada November 2025 berada di bawah 100.0 mata. Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dalam masa terdekat, namun pada kadar yang lebih sederhana dengan permintaan domestik kekal sebagai tulang belakang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian luaran berpotensi meningkatkan risiko penurunan yang boleh menjejaskan prospek ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia Human Development Index (MHDI): **Cerminan Kehidupan Sehari-hari, Penanda Aras Antarabangsa** **dan Implikasi Dasar RMK13**

Fuziah binti Md. Amin, Wan Syakirah binti Wan Jamil

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial

Pengenalan

Malaysia Human Development Index (MHDI) ialah penunjuk komposit yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk menilai tahap pembangunan manusia di Malaysia, telah diterbitkan sejak tahun 2023. Indeks ini merangkumi tiga (3) dimensi utama iaitu kesihatan dan jangka hayat, akses kepada pengetahuan melalui pendidikan, serta taraf hidup yang baik yang diukur melalui Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita.

MHDI digunakan secara meluas oleh pembuat dasar untuk menilai pencapaian negara, ia juga boleh dijadikan panduan oleh individu dalam merancang kehidupan sehari-hari. Pada masa yang sama, MHDI menyediakan asas kukuh untuk penanda aras antarabangsa dan penjajaran strategik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), bagi memastikan pembangunan manusia kekal inklusif, seimbang dan mampan.

Prestasi Terkini Malaysia

Skor MHDI Malaysia meningkat daripada **0.819 pada tahun 2023** kepada **0.826 pada tahun 2024**, mengekalkan status “sangat tinggi” (**Jadual 1a**). Peningkatan ini mencerminkan pemulihan pasca pandemik yang seimbang, dengan pendapatan sebagai dimensi paling kukuh, diikuti Kesihatan, manakala Pendidikan kekal sebagai dimensi yang memerlukan tumpuan strategik.

Jadual 1a: Trend Skor MHDI Malaysia

Tahun	Skor MHDI	Status
2023	0.82	Sangat tinggi
2024	0.83	Sangat tinggi

Sumber: Perangkaan Agromakanan Malaysia 2024

Jadual 1b: Skor Dimensi MHDI 2024 Malaysia

Dimensi	Skor	Interpretasi Ringkas
Kesihatan	0.84	Jangka hayat pulih dan stabil pasca pandemik
Pendidikan	0.76	Peningkatan berterusan, namun masih ketinggalan relatif
Pendapatan	0.89	Taraf hidup kukuh, isu ketidaksamarataan perlu diurus

Sumber: Perangkaan Agromakanan Malaysia 2024,

Penanda Aras Antarabangsa

Di peringkat serantau dan global, Malaysia berada dalam kelompok negara berpendapatan menengah-tinggi dengan skor pembangunan manusia yang tinggi. Kedudukan ini kompetitif dalam ASEAN, namun masih terdapat jurang yang boleh ditangani melalui pemerkasaan pendidikan dan pengurangan ketidaksamarataan.

Jadual 1c: Perbandingan HDI Negara-Negara ASEAN, 2023

Negara/ Blok	Skor HDI 2023	Kedudukan Relatif	Fokus Pembaikan Utama
Malaysia	0.82	Sangat tinggi	Pendidikan, ketidaksamarataan
Singapore	0.95	Sangat tinggi, Tertinggi ASEAN	Pendidikan cemerlang, pendapatan tinggi
Brunei Darussalam	0.84	Sangat tinggi	Kepelbagaian ekonomi, kemahiran
Thailand	0.80	Tinggi	Pendidikan teknikal, produktiviti
Viet nam	0.77	Tinggi	Pendapatan, akses pendidikan
Indonesia	0.73	Tinggi	Pendidikan, akses kesihatan
Philippines	0.72	Tinggi	Pendapatan, kualiti pendidikan
Myanmar	0.61	Sederhana	Kesihatan, akses pendidikan
Cambodia	0.61	Sederhana	Pendidikan, pertumbuhan pendapatan
OECD (Dunia)	0.76	Tinggi, Rujukan global	Kualiti pendidikan, perlindungan sosial

Sumber: Human Development Report 2025

Kesimpulan utama ialah Malaysia telah membina asas kukuh dalam kesihatan dan pendapatan. Namun untuk menyamai rujukan global seperti Singapore dan negara OECD, penambahbaikan dalam kualiti pendidikan terutamanya literasi digital, STEM dan pembelajaran sepanjang hayat perlu menjadi pemacu strategik utama.

MHDI sebagai Cerminan Kehidupan Sehari-hari

MHDI boleh diterjemahkan kepada keputusan harian yang lebih bermaklumat. Dimensi kesihatan mendorong perancangan gaya hidup sihat, pemeriksaan kesihatan berkala, dan perlindungan insurans serta tabungan persaraan berdasarkan jangka hayat. Dimensi pendidikan pula mendorong individu untuk mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mengenalpasti kemahiran masa hadapan dan perancangan pendidikan anak yang selari dengan keperluan ekonomi digital. Dimensi pendapatan pula mambantu pengurusan kewangan, termasuk penggubalan belanjawan, simpanan dan pelaburan, di samping menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan untuk produktiviti mampan.

Apabila ketiga-tiga dimensi ini diurus secara sedar, individu dan keluarga membina daya tahan sosio-ekonomi yang menyumbang semula kepada peningkatan MHDI negara.

Implikasi Dasar RMK13

RMK13 menuntut pendekatan menyeluruh yang menghubungkan MHDI dengan sasaran dasar merentas sektor. Penjajaran strategik berikut memfokuskan kepada intervensi yang mengukuhkan dimensi paling lemah di samping mengekalkan momentum dimensi yang kukuh.

Pendidikan perlu dijadikan pemacu strategik utama dengan penekanan kepada kualiti guru, kurikulum berasaskan kemahiran masa depan (STEM, literasi data, AI) dan akses digital secara menyeluruh. Kesihatan pula perlu diperkukuh melalui penjagaan primer, saringan awal dan promosi gaya hidup, termasuk sokongan kesihatan mental. Pendapatan, walaupun berada pada tahap yang kukuh, perlu diseimbangkan dengan mengurangkan ketidaksamarataan wilayah dan sosial melalui pemerkasaan ekonomi setempat, akses pekerjaan yang berkualiti dan mekanisme perlindungan sosial yang adaptif.

MHDI harus diintegrasikan dalam papan pemuka RMK13 sebagai indikator berasaskan hasil merentas kementerian. Pemantauan berkala di peringkat negeri dan daerah membolehkan intervensi bersasar, manakala keterbukaan data memupuk kerjasama antara akademik, industri dan komuniti untuk penyelesaian berasaskan bukti.

Kesimpulan

MHDI memberikan gambaran menyeluruh tentang kesejahteraan manusia, namun nilai sebenar indeks terletak pada bagaimana ia diterjemahkan kepada tindakan. Di peringkat individu, ia menjadi cermin untuk merancang kesihatan, pendidikan dan kewangan secara sedar. Di peringkat dasar, ia memandu keutamaan RMK13 agar pembangunan manusia Malaysia bukan sahaja tinggi pada kertas, tetapi dirasakan secara adil dan mampan.

Dengan menjadikan pendidikan sebagai pemacu utama, memperkukuh kesihatan komuniti, mengurangkan ketidaksamarataan dan memantau kemajuan melalui data yang telus, Malaysia boleh menutup jurang penanda aras antarabangsa dan mengangkat kualiti hidup rakyat secara menyeluruh dan bersepadu.

Rujukan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2025). Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2025. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

United Nations Development Programme (UNDP). (2025). Human Development Report 2025: A Matter of Choice – People and Possibilities in the Age of AI. New York: United Nations Development Programme.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 1/2026

PENGELUARAN

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Dis 2025: 9,274,985 tan metrik ▲ 19.1%
Nov 2025: 9,678,566 tan metrik ▲ 15.6%

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Nov 2025: ▲ 4.3%
Okt 2025: ▲ 6.0%

Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Nov 2025: RM158.9b ▲ 6.4%
Okt 2025: RM160.9b ▲ 7.2%

HARGA

Indeks Harga Pengguna (IHP)

Dis 2025: ▲ 1.6%
Nov 2025: ▲ 1.4%
Okt 2025: ▲ 1.3%

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Dis 2025: ▼ -2.7%
Nov 2025: ▼ -1.8%
Okt 2025: ▼ -0.1%

Pengeluaran Getah Asli

Nov 2025: 20,891 tan metrik ▼ -48.2%
Okt 2025: 29,673 tan metrik ▼ -22.7%

Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Nov 2025: RM169.4b ▲ 4.6%
Okt 2025: RM171.6b ▲ 6.3%

SEKTOR LUARAN

Eksport

Dis 2025: RM153.0b ▲ 10.4%
*Nov 2025: RM135.0b ▲ 7.0%
Okt 2025: RM148.3b ▲ 15.7%

Import

Dis 2025: RM133.7b ▲ 12.0%
*Nov 2025: RM128.9b ▲ 15.8%
Okt 2025: RM127.9b ▲ 10.0%

*Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja

Nov 2025: 17.09 Juta orang ▲ 3.1%
Okt 2025: 17.06 Juta orang ▲ 3.1%

Kadar Pengangguran

Nov 2025: ▲ 2.9%
Okt 2025: ▲ 3.0%

b: bilion
Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun
Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri 1/ 2026,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




@StatsMalaysia

B/26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

**MALAYSIA
MADANI**
kemampanan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KOMPAS PERKUALANGAN
DI DUNIA

30
YEARS
OF
INDEPENDENCE
20 Oktober


17
YEARS
OF
INDEPENDENCE
2016 - 2030

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Disember 2025 menurun sebanyak 4.2 peratus kepada 9,274,985 tan metrik berbanding November 2025 (9,678,566 tan metrik) (**Carta 3**). Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 19.1 peratus berbanding Disember 2024 (7,786,714 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2024 - Disember 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Disember 2025 menurun 4.7 peratus kepada 1.61 tan metrik/ha berbanding November 2025 (1.69 tan metrik/ha) (**Jadual 3**). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia menurun 7.3 peratus kepada 1.66 tan metrik/ha (November 2025: 1.79 tan metrik/ha) dan Sabah / Sarawak menurun 2.5 peratus kepada 1.57 tan metrik/ha (November 2025: 1.61 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar Mengikut Wilayah, Januari 2024 - Disember 2025 (Tan metrik/Ha)

Wilayah	2024												2025											
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Malaysia	1.25	1.09	1.17	1.27	1.43	1.40	1.56	1.65	1.57	1.55	1.42	1.34	1.15	1.06	1.20	1.48	1.49	1.45	1.54	1.63	1.65	1.80	1.69	1.61
Semenanjung Malaysia	1.29	1.16	1.30	1.43	1.66	1.61	1.81	1.89	1.76	1.63	1.51	1.38	1.16	1.08	1.26	1.64	1.64	1.67	1.89	1.91	1.85	1.94	1.79	1.66
Sabah/ Sarawak	1.22	1.03	1.07	1.14	1.25	1.23	1.36	1.45	1.42	1.48	1.35	1.30	1.14	1.05	1.15	1.36	1.36	1.27	1.24	1.41	1.49	1.69	1.61	1.57

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 5.5 peratus (Disember 2025: 1,829,761 tan metrik, November 2025: 1,935,510 tan metrik) dan 1.7 peratus (Disember 2025: 434,539 tan metrik, November 2025: 442,266 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing meningkat 1.0 peratus (Disember 2025: 209,856 tan metrik, November 2025: 207,679 tan metrik) dan 2.1 peratus (Disember 2025: 229,985 tan metrik, November 2025: 225,357 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2024 - Disember 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit meningkat 8.5 peratus (Disember 2025: 1,316,522 tan metrik, November 2025: 1,213,130 tan metrik). Eksport minyak isirung sawit menunjukkan trend peningkatan sebanyak 14.9 peratus (Disember 2025: 100,224 tan metrik, November 2025: 87,265 tan metrik) dan dedak isirung sawit meningkat 22.8 peratus (Disember 2025: 280,296 tan metrik, November 2025: 228,295 tan metrik).


Carta 5: Eksport Produk Utama Minyak Sawit, Januari 2024 - Disember 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit meningkat 43.6 peratus kepada 33,292 tan metrik pada Disember 2025 berbanding 23,176 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Import minyak isirung sawit menunjukkan peningkatan 511.2 peratus kepada 20,567 tan metrik (November 2025: 3,365 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2024 - Disember 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

PERTANIAN

Sektor minyak sawit berpotensi menjadi penyumbang utama kepada matlamat Malaysia mencapai sasaran pelepasan sifar bersih menjelang 2050, selari dengan keupayaan ladang kelapa sawit matang menyerap sejumlah besar karbon dioksida (CO₂). Melalui amalan pengurusan mampan dan inovasi berterusan, sektor ini mampu meningkatkan kapasiti penyerapan karbon dan terus memenuhi permintaan global terhadap makanan, bahan api dan bahan mentah penting.

Dengan keluasan sekitar 5.7 juta hektar ladang, Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia memiliki kelebihan strategik dari segi ketersediaan biojisim dan penyerapan karbon. Kajian menunjukkan ladang kelapa sawit matang mampu menyimpan antara 30 hingga 40 tan karbon sehektar, sekali gus mengukuhkan peranan industri ini sebagai penyerap karbon daratan yang penting dengan potensi menjana kredit karbon berintegriti tinggi.

Industri minyak sawit turut menghasilkan lebih 100 juta tan biojisim setiap tahun, termasuk batang, pelepah, tandan buah kosong dan efluen kilang. Produk sampingan ini menawarkan peluang besar untuk dimanfaatkan dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui, pengeluaran bioproduct bernilai tinggi serta pembangunan bahan binaan lestari, sekali gus mengurangkan pelepasan metana dan CO₂.


Penyertaan pekebun kecil dalam projek karbon juga dilihat penting memandangkan mereka mengurus lebih suku daripada keluasan ladang sawit negara. Melalui penyediaan garis panduan yang jelas, metodologi yang dipermudah serta penggunaan alat pemantauan, pelaporan dan pengesahan digital, penglibatan pekebun kecil mampu meningkatkan pendapatan tambahan sambil memperkukuh agenda kemampanan negara secara keseluruhan.

Sumber: 'Minyak sawit pacu agenda sifar bersih negara - MPOB', BH online 5 Disember 2025

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 29.6 peratus pada November 2025 (20,891 tan metrik) berbanding pada Oktober 2025 (29,673 tan metrik) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 7**. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 48.2 peratus (November 2024: 40,341 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2024 -November 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada November 2025 iaitu 83.3 peratus (17,405 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 16.7 peratus (3,485 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan pengeluaran bagi kedua-dua sektor kebun kecil dan estet masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 32.2 peratus dan 13.0 peratus. Sementara itu, pengeluaran sektor kebun kecil dan estet masing-masing menunjukkan penurunan 51.8 peratus dan 17.9 peratus berbanding November 2024.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 0.4 peratus (November 2025: 571.93 sen sekilogram; Oktober 2025: 569.84 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 1.8 peratus (November 2025: 589.83 sen sekilogram; Oktober 2025: 600.44 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menurun 1.7 peratus dan meningkat 0.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga November 2025 bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun 0.2 peratus daripada USD1.712/kg kepada USD1.708/kg dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) meningkat 1.4 peratus daripada USD2.00/kg kepada USD2.03/kg.


Carta 8: Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, November 2025



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli pada November 2025 menurun 17.3 peratus kepada 120,208 tan metrik berbanding 145,422 tan metrik pada Oktober 2025. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan penurunan 27.3 peratus berbanding 165,384 tan metrik yang dicatatkan pada November 2024.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan peningkatan 2.9 peratus kepada 24,620 tan metrik berbanding 24,890 tan metrik pada Oktober 2025. Perubahan tahunan juga menunjukkan peningkatan 14.9 peratus (November 2024: 22,304 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,150 tan metrik pada November 2025, menurun 29.8 peratus berbanding Oktober 2025 (52,932 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli dengan menyumbang 50.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2025 diikuti Germany (15.1%), United Arab Emirates (12.5%), United States (5.7%) dan Turkiye (2.2%).

Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.9 billion pada November 2025, menurun 25.8 peratus berbanding Oktober 2025 (RM1.2 billion). Negara pengimport utama sarung tangan getah ialah United States (24,158.2 tan metrik), China (3,058.9 tan metrik) dan Japan (2,688.4 tan metrik) seperti pada **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Oktober 2025 dan November 2025


Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Oktober 2025	November 2025	Oktober 2025	November 2025
United States	24,158.2	18,694.7	600,352.7	478,878.3
China	3,058.9	2,433.7	49,835.4	42,512.7
Japan	2,688.4	1,920.4	77,057.0	56,949.3
India	1,985.9	1,612.2	30,123.9	21,553.9
Germany	2,110.4	1,103.8	47,153.1	29,147.7
Turkiye	1,651.4	954.3	28,613.5	18,196.9
United Kingdom	1,252.6	922.2	29,966.6	23,068.3
Australia	1,286.2	916.2	33,853.8	24,446.9
Korea, Republic Of	796.6	689.0	19,924.2	17,857.0
France	690.5	588.6	14,571.1	14,609.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kekal positif pada November 2025, mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus tahun ke tahun (Oktober 2025: 6.0%). Kenaikan tersebut dipacu terutamanya oleh sektor Pembuatan yang meningkat 4.9 peratus (Oktober 2025: 6.5%) dan pertumbuhan 2.3 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan (Oktober 2025: 5.8%). Selain itu, output Elektrik meningkat 2.7 peratus berbanding 1.8 peratus yang direkodkan pada bulan lalu. Walau bagaimanapun, IPP bulan ke bulan menurun 1.1 peratus daripada positif 2.1 peratus pada Oktober 2025.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan stabil dalam output sektor Pembuatan disokong oleh industri berorientasikan eksport, yang meningkat 5.0 peratus berbanding positif 7.2 peratus pada Oktober 2025. Peningkatan ini sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang merekodkan kenaikan 10.7 peratus (Oktober 2025: 14.2%); diikuti oleh Pembuatan kelengkapan elektrik iaitu 13.9 peratus (Oktober 2025: 9.3%). Tambahan pula, Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. turut mencatatkan momentum positif yang berterusan sebanyak 9.0 peratus berbanding 11.3 peratus pada bulan terdahulu. Ini adalah selari dengan prestasi eksport negara yang mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan iaitu 7.0 peratus pada November 2025 selepas mengalami pertumbuhan 15.7 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun kepada negatif 1.8 peratus daripada positif 0.9 peratus pada Oktober 2025.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik bertumbuh sederhana 4.6 peratus berbanding peningkatan 4.9 peratus yang dicatatkan pada Oktober 2025. Pertumbuhan berterusan ini didorong terutamanya oleh momentum stabil dalam Pembuatan produk prosesan makanan; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan masing-masing mencatatkan kenaikan 9.5 peratus dan 5.1 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik memulih kepada 2.3 peratus berbanding negatif 1.2 peratus yang dicatatkan pada bulan terdahulu.

Pengeluaran sektor Perlombongan pada November 2025 bertumbuh dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 2.3 peratus disumbangkan oleh pertumbuhan dalam kedua-dua komponen iaitu indeks Minyak Mentah & Kondensat meningkat 4.3 peratus dan diikuti oleh indeks Gas Asli yang meningkat 1.0 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan merosot 3.1 peratus berbanding positif 10.1 peratus pada Oktober 2025. Sementara itu, penjaan Elektrik meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun pada November 2025. Perbandingan dengan Oktober 2025, indeks Elektrik menurun 3.0 peratus.

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik bagi Taiwan, Province of China (16.4%), Singapore (14.3%) Vietnam (10.8%) dan China (4.8%) pada November 2025. Sebaliknya Korea, Republic of (-1.4%), Japan (-2.1%) dan Thailand (-4.2%) mengalami penurunan pada November 2025.

IPP bertumbuh pada kadar lebih perlahan iaitu 3.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - November 2024: 3.6%), dipengaruhi oleh indeks Pembuatan (4.3%), diikuti oleh indeks Perlombongan dan indeks Elektrik masing-masing merekodkan pertumbuhan 0.9 peratus dan 0.5 peratus.


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 4.6 peratus (Oktober 2025: 6.3%), berjumlah RM169.4 bilion pada November 2025. Pertumbuhan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik, yang melonjak 10.8 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 11.6%). Pertumbuhan ini turut disokong lagi oleh subsektor Makanan, Minuman dan Tembakau dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing meningkat 7.7 peratus (Oktober 2025: 11.3%) dan 3.4 peratus (Oktober 2025: 4.6%). Perbandingan bagi bulan ke bulan, nilai jualan menyusut 1.3 peratus, daripada RM171.6 bilion yang direkodkan pada Oktober 2025.

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.7 peratus daripada jumlah jualan, meningkat 4.6 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 6.9%). Prestasi ini terutamanya dipengaruhi oleh peningkatan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal sebanyak 11.1 peratus (Oktober 2025: 12.1%). Sementara itu, Pembuatan kelengkapan elektrik juga meningkat 10.8 peratus (Oktober 2025: 9.3%) dan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang tumbuh 6.5 peratus (Oktober 2025: 12.9%). Perbandingan bulan ke bulan, pertumbuhan industri berorientasikan eksport jatuh 2.9 peratus (Oktober 2025: 0.8%).

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Begitu juga, industri berorientasikan domestik meningkat 4.6 peratus pada November 2025, selepas mencatatkan 4.8 peratus pada sebulan yang lalu. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan dengan 8.9 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 8.5%), serta dalam industri Pembuatan logam asas (4.5%) dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (4.1%). Tambahan pula, industri berorientasikan domestik meningkat 2.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada November 2025, bertambah 0.8 peratus (Oktober 2025: 1.1%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (1.7%); Peralatan elektrik & elektronik (1.3%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.0%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang 0.2 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan pengembangan 1.9 peratus (Oktober 2025: 2.4%), berjumlah RM8.46 bilion pada November 2025. Sebaliknya, gaji & upah yang dibayar menurun 0.3 peratus berbanding RM8.48 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM69,949 (3.7%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,492, meningkat 1.1 peratus tahun ke tahun.

Bagi tempoh Januari sehingga November 2025, sektor Pembuatan merekodkan jualan kumulatif RM1.8 trilion, tumbuh 4.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (Januari – November 2024: 4.5%). Bilangan pekerja meningkat 0.8 peratus kepada 2.4 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM92.1 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM742,017, tumbuh 3.1 peratus.

Prestasi Perdagangan Borong & Runcit

Perdagangan borong & runcit merekodkan jumlah jualan sebanyak RM158.9 bilion pada November, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 6.4 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi merentasi subsektor utamanya. Perdagangan runcit mendahului pertumbuhan, diikuti oleh peningkatan dalam Perdagangan borong dan Kenderaan bermotor.

Prestasi Nilai Jualan

Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM69.0 bilion pada bulan ini dengan peningkatan RM4.2 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahun ke tahun 6.4 peratus. Sementara itu, Perdagangan borong merekodkan jumlah jualan sebanyak RM70.1 bilion, meningkat RM4.0 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun 6.0 peratus. Subsektor Kenderaan bermotor pula mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM19.8 bilion, pertambahan RM1.5 bilion atau 8.0 peratus tahun ke tahun (**Jadual 5**).

Sebaliknya, pada asas bulanan, nilai jualan Perdagangan borong & runcit menyusut 1.2 peratus, menunjukkan penurunan dalam semua kumpulan, iaitu Perdagangan borong (-1.4%), Kenderaan bermotor (-3.0%) dan Perdagangan runcit (-0.4%).

Jadual 5: Prestasi Sektor Perdagangan Borong & Runcit, November 2025

Subsektor	Jualan			Indeks Volum (2015=100)			Indeks Volum Pelarasan Bermusim	
	Nilai (RM bilion)	YoY (%)	MoM (%)	Indeks (mata)	YoY (%)	MoM (%)	Indeks (mata)	MoM (%)
Perdagangan Borong	70.1	6.0	-1.4	154.2	6.0	-1.6	153.8	-1.1
Perdagangan Runcit	69.0	6.4	-1.4	189.5	4.3	-0.4	187.9	-0.9
Kenderaan Bermotor	19.8	8.0	-3.0	143.7	6.8	-3.5	135.2	-7.3
Perdagangan Borong & Runcit	158.9	6.4	-1.2	167.0	5.2	-1.2	164.8	-2.0


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Peningkatan 6.0 peratus dalam Perdagangan borong didorong terutamanya oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong yang meningkat 5.1 peratus kepada RM25.8 bilion diikuti oleh Jualan borong barangan isi rumah (8.5%), Jualan borong makanan, minuman & tembakau (6.7%), Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (6.4%), Jual borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup (3.0%) dan Perdagangan borong tanpa pengkhususan (5.5%) (**Carta 13**).

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, Perdagangan borong merosot 1.4 peratus disebabkan oleh penurunan jualan dalam Jualan borong makanan, minuman & tembakau (-2.8%), Jualan borong barangan isi rumah (-1.5%) dan Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (-3.4%).

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, November 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan runcit merekodkan pertumbuhan 6.4 peratus pada November 2025, disokong oleh peningkatan 8.7 peratus dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan yang mencapai RM26.8 bilion. Penyumbang lain kepada pertumbuhan ini termasuk Jualan runcit di kedai pengkhususan (5.1%), Jualan runcit bahan api kenderaan (6.7%), Jualan runcit makanan, minuman & tembakau (6.3%), Jualan runcit peralatan komunikasi & maklumat (4.9%), dan Jualan runcit peralatan isi rumah (3.0%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 14**.

Sebaliknya, pada asas bulanan, subsektor Perdagangan runcit mencatatkan penurunan marginal 0.4 peratus. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penurunan dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (-1.2%), Jualan runcit bahan api kenderaan (-1.8%) dan Jualan runcit makanan, minuman & tembakau (-1.5%).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, November 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jumlah jualan sebanyak RM19.8 bilion, mewakili peningkatan 8.0 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh Jualan kenderaan bermotor yang meningkat 8.9 peratus kepada RM10.4 bilion. Ini diikuti oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (5.9%), Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor (8.7%) dan Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal (7.5%) seperti di **Carta 15**.

Walau bagaimanapun, jualan bagi subsektor ini turun sebanyak 3.0 peratus pada asas bulanan, disebabkan terutamanya oleh Jualan kenderaan bermotor yang jatuh 3.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, November 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit pada November 2025 mencatatkan pertumbuhan 5.2 peratus tahun ke tahun untuk mencapai 167.0 mata. Pertumbuhan ini didorong oleh Kenderaan bermotor yang meningkat 6.8 peratus, diikuti oleh Perdagangan borong (6.0%) dan Perdagangan runcit (4.3%). Walau bagaimanapun, selepas pelarasan musim, indeks turun sebanyak 2.0 peratus kepada 164.8 mata berbanding bulan sebelumnya (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Januari 2024 - November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 6: Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih,
November 2025 (Tahun ke Tahun)

Hong Kong	United Kingdom	Korea Selatan	Singapura	Indonesia
4.4	3.4	0.8	3.6	5.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada November 2025, semua negara terpilih mencatatkan pertumbuhan positif dalam indeks jualan runcit (**Jadual 6**). Indonesia merekodkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 5.9 peratus, didorong terutamanya oleh jualan yang lebih tinggi bagi Lain-lain peralatan isi rumah, Barangan kebudayaan & rekreasi dan Makanan, minuman & tembakau. Sementara itu, Hong Kong mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus, disokong oleh permintaan berterusan terhadap Barangan elektrik, Lain-lain barangan pengguna tahan lama t.t.t.l., Ubat-ubatan & kosmetik, Barangan optikal dan Lain-lain barangan pengguna t.t.t.l.. Selain itu, indeks jualan runcit Singapura berkembang sebanyak 3.6 peratus, dibantu oleh peningkatan jualan Barangan rekreasi, Jam tangan & barang kemas dan Kosmetik, peralatan mandian & barangan perubatan. Begitu juga, United Kingdom merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 3.4 peratus, disokong oleh Pakaian, Komputer & telekomunikasi dan Perabot.

Prospek Disember 2025

Melihat ke hadapan, sektor Perdagangan borong & runcit dijangka akan terus berkembang pada Disember 2025, disokong oleh peningkatan permintaan dan perbelanjaan pengguna semasa cuti musim perayaan Hari Krismas, cuti akhir persekolahan sesi 2025/2026 serta aktiviti jualan penghabisan stok akhir tahun. Selain itu, perbelanjaan pembelian peralatan persekolahan bagi persediaan kembali ke sekolah akan turut membantu melonjakkan sektor ini. Sementara itu, penebusan berterusan Bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100 secara sekali bayar (*one-off*) kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang akan berakhir pada 31 Disember 2025 dijangka akan terus meningkatkan kuasa beli isi rumah bagi barangan keperluan harian dan barangan bukan keperluan. Pada masa yang sama, tahap mobiliti pengguna serta perbelanjaan berkaitan bahan api dan automotif akan bertambah baik melalui BUDI95, sekali gus menyokong prestasi sektor ini.


Perdagangan Barangan

Statistik perdagangan barangan Malaysia terus memperlihatkan pengukuhan trajektori positif pada November 2025. Jumlah dagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan peningkatan 11.1 peratus, 7.0 peratus dan 15.8 peratus, berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Sebaliknya, imbalan dagangan merekodkan penurunan RM8.7 bilion, menguncup sebanyak 58.8 peratus, sekali gus menandakan penurunan pertama sejak Julai 2025. Dari segi perbandingan bulan ke bulan, jumlah dagangan, eksport dan lebihan dagangan mencatatkan penurunan masing-masing turun 4.5 peratus, 9.0 peratus dan 70.0 peratus. Sebaliknya, import meningkat secara marginal 0.7 peratus bulan ke bulan berbanding bulan sebelumnya.

Dari segi komposisi rakan dagangan, prestasi eksport pada November lebih memberangsangkan didorong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi ke Taiwan, Province of China (RM3.2 bilion), diikuti China (+RM1.4 bilion), Hong Kong (+RM1.3 bilion) dan European Union (EU) (+RM1.2 bilion). Import turut menunjukkan corak yang sama, dengan peningkatan ketara dari China (+RM8.7 bilion), disusuli Costa Rica (+RM6.6 bilion), Korea, Republic of (+RM3.4 bilion) dan United Arab Emirates (UAE) (+RM1.3 bilion). Secara keseluruhan, perdagangan Malaysia pada November 2025 kekal didominasi oleh China, Singapore, United States (US) dan EU, dengan jumlah sumbangan 49.5 peratus daripada jumlah perdagangan (November 2024: 50.6%).

Eksport barangan Malaysia mengekalkan momentum positif pada November 2025, meskipun berkembang pada kadar yang lebih sederhana, dengan peningkatan 7.0 peratus tahun ke tahun kepada RM135.0 bilion daripada RM126.1 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong terutamanya oleh Barangan elektrik & elektronik (E&E) dan Alat & perkakas ikhtisas, sains & kawalan, yang mengekalkan trend positif, dengan masing-masing bertambah RM7.7 bilion (+15.0%) dan RM1.5 bilion (+36.4%) seperti ditunjukkan dalam **Carta 17**. Walaupun prestasi Keluaran petroleum bertapis sebelum ini menunjukkan ketidakstabilan, trend tersebut beralih kepada positif pada November 2025 dengan mencatatkan pertumbuhan 2.6 peratus tahun ke tahun mencapai RM8.4 bilion. Sebaliknya, eksport Gas asli cecair terus merekodkan pertumbuhan negatif sejak Mei 2025, turun RM679.4 juta (-12.5%) kepada RM4.8 bilion berbanding RM5.4 bilion pada bulan sama tahun sebelumnya. Selain itu, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Barang kemas daripada emas, perak & permata termasuk tiruan kembali menyumbang kepada ketidakstabilan prestasi eksport, dengan masing-masing mencatat penurunan RM201.6 juta (-2.0%) dan RM103.6 juta (-11.0%). Secara keseluruhan, Barangan E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada November 2025, dengan jumlah sumbangan 57.1 peratus (November 2024: 55.1%).


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Produk Barangan Utama dan Terpilih (%), November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selari dengan prestasi eksport, import barangan Malaysia turut mencatatkan trend positif pada November 2025, diperkukuh oleh pertumbuhan dua digit 15.8 peratus kepada RM128.9 bilion berbanding RM111.3 bilion pada November 2024. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh Barangan E&E yang masih mengekalkan trajektori pertumbuhan tahunan dua digit pada kadar 44.4 peratus dengan kenaikan RM17.5 bilion mencapai RM56.9 bilion pada November 2025. Selain itu, import bagi Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti, Petroleum mentah, Tembaga dan Keluaran besi gelek rata atau keluli kembali mencatat peralihan daripada negatif kepada positif, masing-masing meningkat RM248.6 juta (+13.4%), RM246.1 juta (+5.8%), RM77.6 juta (+5.3%) dan RM5.0 juta (+0.4%) (**Carta 18**). Sebaliknya, import Keluaran petroleum bertapis terus mencatat penyusutan, dengan penurunan yang lebih ketara RM1.1 bilion (-13.0%), selaras dengan pola penurunan sejak Ogos 2024. Secara keseluruhan, Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada November 2025, dengan sumbangan kumulatif 53.3 peratus (November 2024: 46.7%).


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barangan Utama dan Terpilih (%), November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Malaysia dengan rakan dagang juga dipengaruhi oleh ketidakpastian prestasi perdagangan global semasa seperti yang ditunjukkan di **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), November 2025



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Nota*: Oktober 2025

Prestasi perdagangan Malaysia terus mengukuh pada Disember 2025, bertambah 11.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan eksport dan import yang masing-masing sebanyak 10.4 peratus dan 12.0 peratus. Lebih dagangan merekodkan perubahan trend daripada negatif kepada positif, dengan peningkatan marginal 0.1 peratus. Dari segi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif 13.3 peratus, 3.7 peratus, 8.6 peratus dan 215.2 peratus.

Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan November 2025 menunjukkan jumlah dagangan meningkat RM26.5 bilion atau 11.1 peratus kepada RM263.8 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh kebanyakan negeri terutamanya Pulau Pinang meningkat sebanyak RM16.2 bilion (+22.1%) diikuti oleh Johor RM6.0 bilion (+12.9%), Selangor RM3.6 bilion (+7.2%), W.P. Kuala Lumpur RM2.9 bilion (+20.3%), Perak RM1.4 bilion (+23.1%), Melaka RM393.8 juta (+7.7%) dan Sabah RM201.6 juta (+6.0%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Sarawak RM1.2 bilion (-9.7%), Pahang RM799.6 juta (-19.3%), W.P. Labuan RM712.2 juta (-49.6%), Kelantan RM357.6 juta (-47.8%), Negeri Sembilan RM350.5 juta (-6.5%), Kedah RM321.2 juta (-3.0%), Terengganu RM94.2 juta (-5.0%) dan Perlis RM81.3 juta (30.1%) seperti ditunjukkan pada **Paparan 1**.


Jumlah eksport bernilai RM135.0 bilion pada November 2025, meningkat sebanyak RM8.9 bilion (+7.0%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM6.9 bilion), Johor (+RM5.2 bilion), Perak (+RM699.1 juta), Sabah (+RM36.3 juta) dan Negeri Sembilan (+RM17.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Selangor sebanyak RM1.4 bilion, Sarawak (-RM969.8 juta), Pahang (-RM658.8 juta), W.P. Labuan (-RM445.4 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM348.0 juta), Kedah (-RM272.5 juta), Kelantan (-RM266.2 juta), Terengganu (-RM66.9 juta), Perlis (-RM23.9 juta) dan Melaka (-RM4.5 juta).

Pada masa yang sama, import pada bulan November 2025 meningkat RM17.6 bilion (+15.8%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM9.4 bilion), Selangor (+RM5.0 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+3.2 bilion), Johor (+RM707.8 juta), Perak (+RM681.3 juta), Melaka (+RM398.3 juta) dan Sabah (+RM165.2 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Negeri Sembilan sebanyak RM368.3 juta, W.P. Labuan (-RM266.8 juta), Sarawak (-RM193.7 juta), Pahang (-RM140.7 juta), Kelantan (-RM91.3 juta), Perlis (-RM57.4 juta), Kedah (-RM48.6 juta) dan Terengganu (-RM27.3 juta).

Lima negeri menyumbang 85.5 peratus daripada jumlah eksport, dengan Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama (39.2%), diikuti oleh Johor (21.1%), Selangor (15.2%), Sarawak (6.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.3%). Dari segi import pula, Pulau Pinang mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 28.6 peratus, diikuti oleh Selangor (26.2%), Johor (18.3%), W.P. Kuala Lumpur (9.6%) dan Kedah (4.9%).

SEKTOR LUARAN

Paparan 1: Eksport dan Import mengikut Negeri, November 2024 dan 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Senario Pasaran Buruh

Pasaran buruh Malaysia meneruskan trajektori menaik dan terus bertambah baik pada November 2025, disokong oleh peningkatan bilangan penduduk bekerja sebanyak 32.4 ribu orang (0.2 peratus) berbanding Oktober 2025, mencecah seramai 17.09 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada penduduk mencerminkan keupayaan ekonomi dalam mewujudkan pekerjaan, kekal stabil pada 68.8 peratus pada November 2025, tidak berubah berbanding bulan sebelumnya. Secara tahunan, nisbah ini meningkat sebanyak 0.5 mata peratus berbanding 68.3 peratus pada November 2024 (**Carta 20**).


Carta 20: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada November 2025, kategori pekerja bergaji kekal sebagai kumpulan terbesar daripada keseluruhan penduduk bekerja, mencatatkan 74.8 peratus. Kategori ini meningkat 0.1 peratus (+16.6 ribu orang) kepada 12.78 juta orang, berbanding 12.76 juta orang pada Oktober 2025. Sementara itu, bilangan dalam kategori bekerja sendiri meningkat 0.3 peratus (+10.8 ribu orang) kepada 3.26 juta orang berbanding 3.25 juta orang pada bulan sebelumnya. Kategori ini sebahagian besarnya terdiri daripada penerima pendapatan harian yang terlibat dalam perniagaan kecil, seperti peruncit, penjaja, peniaga pasar dan gerai, serta pekebun kecil (**Carta 21**).

Carta 21: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Oktober 2025 dan November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


SENARIO BURUH

Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara berkurang 1.2 ribu orang (-1.5%) pada November 2025 kepada 79.1 ribu orang, berbanding pada Oktober 2025. Secara tahunan, kumpulan ini meningkat sebanyak 5.3 ribu orang (7.1%) berbanding 73.8 ribu orang pada November 2024. Kumpulan ini terdiri daripada individu yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi tidak diklasifikasikan sebagai penganggur, kerana masih mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

Selain itu, bilangan penganggur pada November 2025 mencatatkan penurunan marginal 0.1 peratus (-0.5 ribu orang) kepada 518.4 ribu orang, berbanding 518.9 ribu orang pada bulan sebelumnya. Kadar pengangguran menurun ke paras terendah sejak Disember 2014 iaitu 2.9 peratus, menurun 0.1 mata peratus daripada 3.0 peratus pada bulan sebelumnya. Dari segi data pelarasan bermusim, pengangguran terus menurun 0.2 peratus, sementara kadar pengangguran kekal pada 3.0 peratus.

Berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan penganggur menurun sebanyak 4.3 peratus (-23.4 ribu orang) berbanding November 2024. Seiring dengan itu, kadar pengangguran jatuh sebanyak 0.3 mata peratus daripada 3.2 peratus pada bulan yang sama tahun lalu (**Carta 22**).


Carta 22: Penganggur dan kadar pengangguran, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengikut kategori pengangguran, penganggur aktif, iaitu mereka yang sedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah penganggur pada November 2025. Kumpulan ini merekodkan penurunan marginal sebanyak 0.1 peratus (-0.3 ribu orang) kepada 413.5 ribu orang, berbanding 413.8 ribu orang pada Oktober 2025. Dalam kalangan penganggur aktif, majoriti (64.4 peratus) telah menganggur selama kurang daripada tiga bulan, manakala 5.0 peratus diklasifikasikan sebagai penganggur jangka panjang, menunjukkan bahawa mereka telah menganggur lebih daripada setahun¹ (**Carta 23**).

Carta 23: Kategori menganggur dan tempoh menganggur, Oktober 2025 and November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


¹ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment)

https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif, iaitu mereka yang beranggapan bahawa tiada pekerjaan yang tersedia, turun 0.2 peratus bulan ke bulan (-0.2 ribu orang) kepada 104.9 ribu orang, berbanding 105.1 ribu orang pada Oktober 2025.

Selain itu, kadar pengangguran dalam kalangan belia berusia 15 hingga 24 tahun kekal pada 10.1 peratus, melibatkan 297.6 ribu penganggur belia (Oktober 2025: 10.1%; 297.6 ribu orang). Pada masa sama, kadar pengangguran bagi belia berusia 15 hingga 30 tahun juga kekal pada 6.1 peratus, dengan 398.0 ribu penganggur belia (Oktober 2025: 6.1%; 398.5 ribu orang) (**Carta 24**).


Carta 24: Penganggur belia dan kadar pengangguran belia, Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tenaga buruh meneruskan trend menaik pada November 2025, meningkat sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan (+31.9 ribu orang) kepada 17.61 juta orang, berbanding 17.58 juta orang pada Oktober 2025. Sementara itu, kadar penyertaan buruh (KPTB) kekal pada 70.9 peratus. Berdasarkan angka pelarasan bermusim, tenaga buruh terus mencatatkan pertumbuhan positif, meningkat sebanyak 0.2 peratus, dengan KPTB direkodkan pada 71.0 peratus. Dari segi perbandingan tahunan, tenaga buruh meningkat sebanyak 2.8 peratus atau 483.4 ribu orang berbanding 17.13 juta orang pada November 2024. Selari dengan itu, KPTB meningkat sebanyak 0.4 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (November 2024: 70.5%), untuk mencapai 70.9 peratus pada November 2025 (**Carta 25**).


Carta 25: Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), Januari 2024 – Oktober 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh meningkat pada November 2025, naik sebanyak 0.7 ribu orang (0.01 peratus) kepada 7.22 juta orang berbanding pada Oktober 2025. Dari segi perbandingan tahunan, kumpulan ini berkembang sebanyak 68.6 ribu orang (1.0 peratus) daripada 7.15 juta orang pada November 2024. Sumbangan terbesar penduduk di luar tenaga buruh adalah mereka yang terlibat dengan kerja rumah atau tanggungjawab keluarga (43.7%), diikuti oleh mereka yang terlibat dalam persekolahan atau latihan (40.8%) (**Carta 26**).

Carta 26: Peratus Sumbangan Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Oktober 2025 dan November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh prestasi eksport yang berterusan, lebih perdagangan yang berterusan, dan keadaan kewangan yang stabil walaupun permintaan global lebih perlahan². Pertumbuhan dijangka didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pelaburan swasta, dengan industri elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport³.

Projek pembangunan infrastruktur dan digital yang sedang berjalan di Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia dijangka merangsang aktiviti ekonomi, menjana peluang pekerjaan, dan menyokong pembangunan serantau yang lebih seimbang⁴. Pada masa sama, peningkatan automasi dan pendigitalan dijangka meningkatkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti⁵.

Pemulihan sektor pelancongan dan penempatan Malaysia sebagai destinasi mesra halal dan ekopelancongan dijangka meningkatkan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya di negeri yang tumpuannya pada pelancongan⁶. Sementara itu, pelaburan yang semakin berkembang dalam tenaga boleh diperbaharui dijangka mewujudkan pekerjaan berasaskan kelestarian dalam bidang teknikal, kejuruteraan, dan pengurusan projek, selaras dengan agenda hijau⁷.

Secara keseluruhan, pasaran tenaga buruh kerja Malaysia dijangka kekal stabil, kompetitif, dan inklusif, disokong oleh inisiatif peningkatan kemahiran dan penambahbaikan kemahiran secara berterusan serta pengembangan sektor strategik⁸.

² <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/12/1486998/nilai-perdagangan-eksport-malaysia-terus-melonjak-pada-november>

³ <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2506925>

⁴ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/belanjawan-2026-rm2-bilion-perkukuh-infrastruktur-digital-semenanjung-sabah-dan-sarawak-542350>

⁵ https://rmk13.ekonomi.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/Buku_Utama_RMK13.pdf

⁶ <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2478340>

⁷ <https://theedgemalaysia.com/node/739658>

⁸ <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/ub25.pdf>

Indeks Harga Pengguna


Inflasi Malaysia meningkat kepada 1.4 peratus pada November 2025 berbanding 1.3 peratus pada bulan sebelumnya, terutamanya dalam kumpulan Pendidikan, 2.6 peratus (Oktober 2025: 2.4%); Minuman Alkohol & Tembakau, 2.4 peratus (Oktober 2025: 0.3%) dan Pengangkutan, 0.2 peratus (Oktober 2025: -0.1%). Sementara itu, beberapa kategori mencatatkan peningkatan lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya, termasuk Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 0.7 peratus (Oktober 2025: 1.1%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 5.6 peratus (Oktober 2025: 6.0%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.2 peratus (Oktober 2025: 0.3%).

Selain itu, pertumbuhan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (5.6%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.4%); Makanan & Minuman (1.5%); Kesihatan (1.5%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.2%) kekal pada kadar yang sama seperti direkodkan pada Oktober 2025. Namun begitu, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut terus merekodkan inflasi negatif, masing-masing pada negatif 1.3 peratus dan negatif 0.1 peratus.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada November 2025 kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2025: -0.1%). Beberapa kumpulan mencatatkan peningkatan sederhana, termasuk Minuman Alkohol & Tembakau (2.1%); Pendidikan (0.2%), diikuti Restoran & Perkhidmatan Penginapan; Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Pakaian & Kasut yang masing-masing meningkat 0.1 peratus. Namun begitu, peningkatan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam Maklumat & Komunikasi, negatif 1.2 peratus (Oktober 2025: 0.0%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, negatif 0.1 peratus (Oktober 2025: -0.5%). Sementara itu, Makanan & Minuman; Pengangkutan; Kesihatan; Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan kekal tidak berubah pada November 2025.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Makanan & Minuman dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan,

Tahun ke Tahun (%), Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi kumpulan Pengangkutan meningkat kepada 0.2 peratus pada November 2025 berbanding negatif 0.1 peratus pada Oktober 2025. Peningkatan ini didorong oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam (2.6%) dan Pembelian kenderaan (0.9%). Walau bagaimanapun, subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan barangan (-1.0%) dan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian (-0.2%) mencatatkan penurunan, yang sebahagiannya mengimbangi peningkatan keseluruhan bagi kategori ini.


Harga purata Diesel di Semenanjung Malaysia meningkat kepada RM3.05 seliter (November 2024: RM2.95 seliter), manakala, harga purata Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat RM3.24 seliter (November 2024: RM3.19 seliter). Penurunan harga bahan api ini adalah selari dengan penurunan harga minyak mentah Brent kepada AS\$63.61 setong daripada AS\$74.40 setong pada November 2024 (**Carta 28**).

Bermula 30 September 2025, Malaysia telah beralih kepada sistem subsidi bersasar bagi petrol RON95 atau dikenali sebagai BUDI MADANI RON95 (BUDI95). Di bawah program ini, lebih 16 juta rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas yang memiliki MyKad dan lesen memandu aktif layak menikmati petrol RON95 bersubsidi pada harga RM1.99 seliter berbanding harga pasaran semasa RM2.60 seliter. Pelaksanaan BUDI95 telah

HARGA

menyumbang kepada penurunan inflasi bagi kumpulan ini pada Oktober 2025. Namun begitu, Kementerian Kewangan (MOF) akan terus menilai harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel selaras dengan pergerakan pasaran minyak global menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM).

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, Januari 2024 – November 2025



W.P.: Wilayah Persekutuan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 1.5 peratus, iaitu kadar sama yang direkodkan pada Oktober 2025. Dalam kumpulan ini, subkumpulan Makanan di rumah merekodkan peningkatan 0.1 peratus, sementara Makanan di luar rumah mencatatkan pertumbuhan perlahan pada 2.8 peratus, berbanding 2.9 peratus pada Oktober 2025 (**Jadual 7**). Antara item dalam subkumpulan Makanan di luar rumah yang merekodkan peningkatan lebih perlahan ialah Kuih-muih (5.2%), Nasi babi panggang (4.3%), Sayur yang dimasak (2.5%), Martabak (3.9%) dan Makanan barat-ayam (0.4%).

Jadual 7: Subkumpulan Makanan & Minuman, Tahun ke Tahun (%), November 2025

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) November 2025
Makanan & Minuman	29.8	1.5
Makanan	29.0	1.4
Makanan di luar rumah	13.4	2.8
Makanan di rumah	15.6	0.1
Bijirin & produk bijirin	2.3	-0.5
Daging	2.3	0.7
Ikan & makanan laut lain	3.9	2.1
Susu, produk tenusu lain & telur	1.3	-1.0
Minyak & lemak	0.7	1.3
Buah-buahan & kacang	1.1	0.9
Sayur-sayuran	1.8	-6.1
Gula, manisan & pencuci mulut	0.5	0.8
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l.	1.7	2.2
Minuman bukan alkohol	0.8	3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, di bawah Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA), kadar semakan telah dilaksanakan ke atas pelanggan domestik di Semenanjung Malaysia bagi penggunaan melebihi 600 kilowatt per jam (kWh), di mana pelanggan akan menerima rebat pelarasan sebanyak 6.42 sen/kWh bagi tempoh 1 hingga 31 Disember 2025. Namun begitu, pengguna domestik dengan penggunaan 600 kWj dan ke bawah tidak terkesan dengan pelarasan ini.

Inflasi Malaysia pada Disember 2025 meningkat sebanyak 1.6 peratus, dengan mata indeks mencatatkan 135.5, didorong terutamanya oleh peningkatan inflasi dalam kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan dan Pendidikan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menurun 1.8 peratus pada November daripada penurunan 0.1 peratus pada Oktober 2025.

Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun 9.7 peratus (Oktober 2025: 2.7%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dua digit 16.2 peratus dalam indeks Penanaman tanaman kekal. Sementara itu, sektor Perlombongan merosot 7.2 peratus (Oktober 2025: -1.0%) disebabkan oleh penurunan kedua-dua indeks Pengekstrakan gas asli dan Pengekstrakan petroleum mentah, yang mana masing-masing turun 11.4 peratus dan 5.5 peratus. Sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan sederhana 0.6 peratus, mengekalkan kadar penurunan yang sama seperti bulan sebelumnya, disebabkan oleh penurunan 6.6 peratus dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis. Sebaliknya, sektor Bekalan elektrik & gas meningkat 4.1 peratus, manakala sektor Bekalan air naik 10.1 peratus.

Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan menurun 0.3 peratus, selepas tiada perubahan yang dicatatkan pada Oktober 2025. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turun 4.6 peratus (Oktober 2025: 0.9%), disebabkan oleh penurunan Penanaman tanaman kekal (-7.6%). Sektor Perlombongan juga turun 0.8 peratus (Oktober 2025: -4.8%), dipengaruhi oleh penurunan indeks Pengekstrakan gas asli (-1.2%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-0.8%). Bagi sektor utiliti, sektor Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing menurun 0.8 peratus dan 0.2 peratus. Sebaliknya, sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan sederhana 0.3 peratus, sama seperti bulan sebelumnya. Ini disokong oleh indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (1.3%) dan Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (0.4%) **(Jadual 8)**.


Jadual 8: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
			Nov 2025	Nov 2024	Okt 2025	Nov 2025	Nov 2024	Okt 2025	Nov 2025
JUMLAH		100.00	115.6	-0.4	-0.1	-1.8	1.4	0.0	-0.3
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	135.5	21.8	2.7	-9.7	8.5	0.9	-4.6
Perlombongan	B	7.93	84.3	-8.3	-1.0	-7.2	5.7	-4.8	-0.8
Pembuatan	C	81.57	117.2	-1.8	-0.6	-0.6	0.3	0.3	0.3
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	123.2	0.9	4.3	4.1	-0.1	-0.3	-0.2
Bekalan air	E	0.33	139.4	6.6	10.8	10.1	-0.2	1.5	-0.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesemua peringkat pemprosesan mencatatkan perubahan negatif tahun ke tahun pada November 2025. Indeks Bahan mentah untuk pemprosesan selanjutnya menurun 6.2 peratus (Oktober 2025: 1.2%), dipengaruhi oleh Bahan bukan makanan (-8.4%). Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menurun 1.1 peratus (Oktober 2025: -0.2%), disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-7.5%). Pada masa yang sama, indeks Barang siap turun 0.2 peratus (Oktober 2025: -1.0%), dipengaruhi oleh Kelengkapan modal (-0.1%) **(Carta 29)**.

Carta 29: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Januari 2024 – November 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

